

15/01/1999

Lawatan perlicin amalan demokrasi

KOTA BHARU, Khamis - Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan kali ini dilihat sebagai boleh melicinkan amalan demokrasi di samping dapat meredakan suasana semasa politik.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kunjungan sulung Perdana Menteri ke Kota Darul Naim itu adalah penghormatan besar selaras kedudukan beliau sebagai pemimpin kerajaan.

"Secara amnya, kedatangan Dr Mahathir ke sini (Kota Darul Naim) boleh disifatkan sebagai hadiah hari raya bagi rakyat Kelantan dan Malaysia secara amnya kerana ia boleh melicinkan amalan demokrasi.

"Sebagai pengamal demokrasi, kita memang inginkan lawatan seperti ini kerana kedatangan Dr Mahathir selaku ketua kerajaan ke negeri yang dipimpin parti pembangkang adalah satu bentuk penghormatan.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau dan kunjungan ini boleh membawa banyak kebaikan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun, enggan mengulas lanjut berhubung butiran pertemuan tertutup kira-kira 10 minit itu.

"Tidak manis untuk saya sebut kerana ia adalah pertemuan di antara empat mata," katanya.

Ditanya sama ada kunjungan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno merugikan Pas, beliau berkata ia harus dilihat sebagai menguntungkan Pas kerana ia membuktikan kebijakan parti itu dalam berpolitik.

Terdahulu, Dr Mahathir dan rombongan diberi taklimat berhubung perancangan yang diatur kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini.

Taklimat tertutup selama kira-kira 45 minit itu diberi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wan Hashim Wan Daud yang juga bertindak selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bencana negeri.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan isteri; Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco); dan wakil rakyat Pas serta Barisan Nasional (BN).

Ketika ditemui selepas itu, Wan Hashim berkata, kerajaan negeri memerlukan peruntukan berjumlah RM800 juta daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan pelbagai perancangan dalam usaha mengatasi banjir.

(END)